

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

Terma-terma dan syarat-syarat penggunaan laman web yang didaftarkan atas nama domain **www.surat2u.com** adalah seperti yang tersebut dibawah ini. Sila baca dengan teliti sebelum apa-apa penggunaan dilakukan. Jika perlu, anda juga dinasihatkan untuk mendapatkan khidmat nasihat undang-undang yang bebas terlebih dahulu.

Perjanjian ini mengandungi terma-terma dan syarat-syarat terhadap penggunaan perkhidmatan laman web **www.surat2u.com** oleh anda (selepas ini disebut sebagai “laman web ini” tersebut). Dengan mengesahkan penggunaan laman web ini, anda telah bersetuju dengan terma-terma dan syarat-syarat yang tersebut dibawah ini.

SILA AMBIL MAKLUMAN, bahawa pada bila-bila masa, pihak kami berhak sepenuhnya untuk mengubah dan/atau menambah dan/atau membuang mana-mana terma-terma dan syarat-syarat di dalam perjanjian ini mengikut budi bicara penuh dan mutlak pihak kami tanpa sebarang pemberitahuan terlebih dahulu.

OLEH YANG SEDEMIKIAN, anda diminta dan dinasihatkan untuk sentiasa membuat pemeriksaan terhadap terma-terma dan syarat-syarat yang tersebut dibawah ini secara berkala untuk sebarang perubahan terhadap Penggunaan laman web ini beserta perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak kami tersebut dan ianya akan dianggap sebagai suatu penerimaan oleh anda terhadap terma-terma dan syarat-syarat yang berkuatkuasa mengikut tarikh, hari dan masa anda menggunakan laman web ini beserta perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak kami tersebut.

Kami akan sentiasa mengemaskini terma-terma dan syarat-syarat penggunaan laman web ini dan mengalu-alukan sebarang cadangan dan/atau persoalan berkaitan dengan terma-terma dan syarat-syarat penggunaan laman web kami ini beserta perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak kami tersebut dan sebarang cadangan dan/atau persoalan tersebut boleh dialamatkan terus kepada pihak kami di :

DAVID ASSOCIATES

Bangunan The Old Bailey Twin-Tower's,
No. 40-D, Jalan Pt Batu Putih,
Mukim 4, Simpang Lima,
83000 Batu Pahat,
Negeri Johor Darul Ta'zim,
MALAYSIA.

1. BUKAN NASIHAT UNDANG-UNDANG.

- 1.1 Semua isi kandungan dan/atau, bahan dan/atau maklumat dan/atau produk dan/atau perkhidmatan yang disediakan melalui Laman Web ini adalah bukan suatu nasihat undang-undang. Segala penggunaan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak kami melalui Laman Web ini akan menjadi tanggungjawab dan/atau risiko anda sepenuhnya. Anda harus mendapatkan nasihat undang-undang yang lebih khusus daripada mana-mana pihak atau peguamcara anda sebelum menggunakan apa-apa perkhidmatan yang ditawarkan melalui Laman Web ini. Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa risiko yang bekemungkinan timbul akibat daripada penggunaan apa-apa perkhidmatan yang ditawarkan melalui Laman Web ini.

2. ISI KANDUNGAN LAMAN WEB.

- 2.1 Segala maklumat dan/atau mesej dan/atau fail dan/atau perisian dan/atau imej dan/atau pautan dan/atau siaran dalam apa-apa bentuk sekalipun yang dinyatakan dan/atau disediakan oleh anda dan/atau pihak ketiga adalah merupakan tanggungjawab penuh pengarang yang berkenaan dan tidak semestinya mewakili pandangan mana-mana rakan niaga kami dan/atau rakan kongsi kami dan/atau sekutu kami tersebut. Oleh yang sedemikian, kami tidak bertanggungjawab terhadap segala isi kandungan yang terdapat di Laman Web ini melalui apa cara sekalipun. Kami juga berhak untuk membuang dan/atau memadamkan sebarang maklumat dan/atau mesej dan/atau fail dan/atau perisian dan/atau imej dan/atau pautan dan/atau siaran dalam bentuk apa pun daripada Laman Web ini .

3. PAUTAN PIHAK KETIGA.

- 3.1 Mana-mana pautan perkhidmatan dan/atau Laman Web daripada pihak ketiga yang dikongsikan didalam Laman Web ini hanyalah bertujuan sebagai suatu kemudahan bagi anda sahaja.

Kami tidak mempunyai apa-apa kuasa untuk mengawal apa-apa penyediaan dan/atau isi kandungan daripada laman web dan perkhidmatan pihak ketiga tersebut. Sebarang rujukan yang dibuat melalui laman web ini kepada maklumat yang dibekalkan oleh pihak ketiga tersebut tidak bertindak dan/atau memberi maksud suatu sokongan dan/atau cadangan oleh pihak kami.

Penggunaan mana-mana perkhidmatan melalui mana-mana Laman Web pihak ketiga tersebut adalah diatas risiko anda sendiri sepenuhnya dan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat penggunaan bagi laman web pihak ketiga tersebut. Kami tidak bertanggungjawab keatas apa-apa kesan undang-undang dan/atau perkara-perkara lain yang mungkin timbul berpunca daripada penggunaan apa-apa kandungan dan/atau perkhidmatan oleh pihak ketiga tersebut.

4. KESELAMATAN TERHADAP VIRUS SIBER.

- 4.1 Kami tidak dapat menjamin bahawa sebarang maklumat yang disiarkan di dalam Laman Web ini tidak dapat dipintas oleh mana-mana pihak dan digunakan untuk tujuan yang tidak mempunyai kebenaran bertulis daripada pihak kami atau untuk tujuan apa-apa jenayah siber.

Apa-apa penyampaian maklumat adalah menjadi tanggungjawab dan berada di atas risiko anda sendiri. Kami juga tidak dapat menjamin bahawa Laman web ini bebas daripada apa-apa virus dan kami tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kesan dan/atau kerosakan yang mungkin timbul daripada penggunaan Laman Web ini dan/atau daripada Perkhidmatan Mel Elektronik (e-mel) yang mungkin anda terima daripada Laman Web ini.

5. PENGGUNAAN HAKCIPTA.

- 5.1 Apa-apa kandungan dari Laman Web ini termasuk perkhidmatan dan/atau produk dan/atau maklumat dan/atau data dan/atau gambar dan/atau ilustrasi dan/atau reka bentuk dan/atau ikon dan lain-lain adalah menjadi harta intelek yang dimiliki oleh kami dan/atau rakan niaga kami dan/atau rakan kongsi kami dan/atau sekutu kami tersebut dan ini adalah menjadi Hakcipta dan tidak dibenarkan untuk disalin dan/atau diterbitkan semula dan/atau dimuat turun dan/atau dihantar dan/atau diedarkan dan/atau digunakan dengan apa cara sekalipun, kecuali telah mendapat suatu persetujuan dan/atau kebenaran bertulis oleh pihak pengurusan kami tersebut.

Sebarang pengubahsuaian apa-apa kandungan dari Laman Web ini termasuk perkhidmatan dan/atau produk dan/atau maklumat dan/atau data dan/atau gambar dan/atau ilustrasi dan/atau reka bentuk dan/atau ikon dan lain-lain yang menjadi harta intelek kami tersebut serta penggunaan dalam apa jua bentuk, sama ada untuk membuat apa-apa jenis karya atau sebaliknya adalah merupakan suatu pelanggaran anda terhadap hak milik kami dan tindakan undang-undang yang sesuai mungkin boleh diambil oleh kami terhadap diri anda tersebut.

6. PENAFIAN TERHADAP JAMINAN / LIABILITY.

- 6.1 Anda telah bersetuju bahawa penggunaan Laman Web ini adalah sepenuhnya menjadi tanggungjawab dan risiko anda sendiri. Kami tidak memberikan sebarang pernyataan yang menjadi suatu jaminan atau jaminan secara tersurat mahupun tersirat dalam apa jua sifat di dalam Laman Web ini.

Semua Kandungan didalam Laman Web ini termasuk perkhidmatan yang disediakan di Laman Web ini adalah berdasarkan "sebagaimana adanya" dan "sebagaimana tersedia".

Oleh yang demikian, kami menolak semua liability dan tidak akan bertanggungjawab terhadap penggunaan Laman Web ini oleh anda dan anda juga bersetuju bahawa kami tidak akan dipertanggungjawabkan ke atas apa-apa kesan dan/atau isu dan/atau masalah secara langsung atau tidak langsung yang timbul akibat daripada penggunaan Laman Web ini dan / atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak kami tersebut.

Tanpa menjejaskan penafian kami untuk sebarang liability yang tersebut diatas, Dalam apa keadaan sekalipun, had tanggungjawab kami adalah terhad kepada jumlah pembayaran yang telah anda jelaskan kepada kami sahaja.

7. PENAMATAN / PENGGANTUNGAN AKSES.

- 7.1 Kami berhak untuk melarang dan/atau menamatkan dan/atau menangguhkan penggunaan dan/atau menggantungkan akses anda ke semua atau sebahagian daripada Laman Web ini pada bila-bila jika kami mendapati bahawa anda telah melanggar mana-mana terma-terma dan syarat-syarat sepertimana yang tersebut didalam terma-terma dan syarat-syarat penggunaan Laman Web ini.

8. POLISI / DASAR PENGEMBALIAN WANG.

- 8.1 Kami akan mengeluarkan suatu sebut harga dan/atau Inbois terlebih dahulu dan anda perlu bersetuju terhadap jumlah bayaran yang telah dikenakan dan/atau dicaj oleh pihak kami dan setelah anda membuat bayaran tersebut ianya adalah dianggap anda telah bersetuju terhadap jumlah bayaran yang telah dikenakan dan/atau dicaj oleh pihak kami tersebut bagi perkhidmatan yang telah dipohon oleh anda tersebut.

Oleh yang demikian. Pihak kami tidak akan mengembalikan wang untuk sebarang kehendak yang telah dibuat dan dihasilkan dengan jayanya oleh anda menggunakan platform dalam talian kami dan kami juga tidak akan membayar balik setelah pembayaran dibuat oleh anda dan jika ianya telah diproses dengan jayanya melalui akses pembayaran kami.

Kami dengan ini menasihati serta mengesyorkan kepada semua pengguna dan/atau pelanggan kami untuk mengesahkan semula niat mereka sama ada ingin meneruskan ataupun tidak sebelum membuat sebarang pembayaran kepada pihak kami.

9. UNDANG-UNDANG.

Terma-terma dan syarat-syarat ini hendaklah mengikut dan dikawal oleh Undang-Undang Malaysia. Samada anda adalah Warganegara Malaysia ataupun bukan Warganegara Malaysia, Anda hendaklah menghormati dan/atau mematuhi dan/atau terikat kepada semua undang-undang dan/atau peraturan-peraturan yang terpakai di Malaysia.

10. PINDAAN TERMA-TERMA DAN SYARAT- SYARAT.

- 10.1 Sekiranya terma-terma dan syarat-syarat ini dipinda, pindaan tersebut akan dikemas kini di laman sesawang / laman web www.surat2u.com. Anda diminta untuk sering melayari laman sesawang / laman web www.surat2u.com untuk mendapatkan terma-terma dan syarat-syarat yang terkini.